

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI PELANCARAN LAMAN WEB SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA
DI UNIVERSITI MULTIMEDIA, MELAKA
PADA HARI JUMAAT, 27 OKTOBER 2000
JAM 10.00 PAGI**

Alhamdulillah, di pagi Jumaat yang mulia ini saya bersyukur ke-hadrat Ilahi kerana sekali lagi dapat mengadakan lawatan saya ke MMU dan kali ini ke MMU kampus Melaka yang telah banyak berubah sejak lawatan saya terakhir ke Bukit Beruang. Lawatan ini lebih bermakna kerana sempena lawatan saya ke MMU, Kampus Melaka laman web sekolah-sekolah negeri Melaka akan dilancarkan juga.

2. Saya difahamkan bahawa pelancaran ini menjadi kenyataan atas kerjasama bijak antara Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Universiti Multimedia. Ini amat bersesuaian dengan saranan YAB Perdana Menteri di dalam ucapan beliau ketika merasmikan MMU pada bulan Julai 1999, di mana beliau menyatakan, Universiti ini bukan sahaja dibina untuk memenuhi keperluan tenaga mahir Koridor Raya Multimedia, malah ianya juga telah dikenalpasti sebagai sebuah institusi yang akan memainkan peranan utama dalam membentuk masyarakat yang bermaklumat tinggi di negara kita. Ini adalah contoh khusus bagaimana MMU memainkan peranan ini. Adalah diharapkan usaha ini akan berterusan dan akan memberi manfaat khususnya kepada anak-anak murid dan para pelajar di semua sekolah-sekolah di negeri Melaka.

3. Saya juga dimaklumkan bahawa usaha dan kejayaan ini adalah antara yang terawal di negara kita. Komitmen dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk memastikan semua sekolah tidak mengira kelas supaya mempunyai talian telefon untuk membolehkan mereka mencapai perkhidmatan internet adalah satu usaha yang boleh

dijadikan contoh. Ini sekali gus akan mengurangkan jurang pembahagi digital atau 'digital divide' yang amat dikhuatiri oleh banyak pihak terutamanya dalam persiapan menghadapi k-ekonomi.

4. Sebagai Canselor, saya sentiasa menyokong sebarang usaha yang membantu pengujudan masyarakat kita sebagai satu masyarakat yang bermaklumat tinggi. Walaupun MMU merupakan sebuah universiti swasta, tetapi tanggungjawab sosial untuk mendidik masyarakat umum perlu dipikul bersama. Peruntukan dan kebenaran menggunakan makmal universiti ini yang canggih pastinya memberi pendedahan kepada guru-guru yang telah menghadiri kursus yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri di kampus ini. Kesungguhan ini diteruskan dengan penawaran sebuah pelayan web khusus untuk digunakan oleh sekolah-sekolah negeri Melaka. Ini membolehkan semua sekolah di Melaka mempunyai laman web masing-masing dan wujud satu ruang yang membolehkan sekolah-sekolah di Melaka bertukar maklumat, aplikasi, bahan pengajaran dan sebagainya. Adalah diharapkan dengan kemudahan ini dapat memangkin dan menggalakkan lagi penggunaan Teknologi Maklumat khususnya internet di sekolah-sekolah. Kemudahan ini ditambah lagi dengan perkhidmatan senarai e-mail untuk memudahkan perhubungan. Ini sudah pastinya memberi manfaat kepada bukan sahaja guru besar, pengetua, guru-guru dan pelajar tetapi kepada masyarakat keseluruhan terutamanya ibu bapa yang akan dapat mengikuti perjalanan sekolah dengan lebih dekat dan memberi maklum balas dengan lebih baik.

5. Adalah menjadi harapan saya supaya kerjasama seperti ini diperluaskan lagi. Di dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat sekolah masih banyak ruang yang perlu diisi. Walaupun wujud projek kebangsaan seperti projek sekolah bestari, kerjasama dan penglibatan dari semua peringkatlah yang akan menentukan kejayaan usaha ini. Kita tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini. Dalam bidang pendidikan di Melaka, beberapa aspek pembangunan aplikasi pendidikan boleh dilakukan sebagai contoh, sistem pengurusan elektronik sekolah bersepadu, bahan kandungan pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dan sistem pengurusan pusat

sumber digital. Dengan wujudnya usaha berterusan ini, pastinya akan menyumbang kepada pendekatan pendidikan elektronik atau e-learning yang kita hajati.

6. Bidang Teknologi Komunikasi dan Maklumat merupakan satu bidang yang bergerak pantas. Untuk memastikan negara kita terus kompetitif di peringkat antarabangsa, kita seharusnya bekerja keras bagi memastikan generasi akan datang bersedia dan mampu untuk meneruskan usaha murni ini. Tugas ini memang berat dan itulah tugas tuan-tuan dan puan-puan sebagai guru dan pendidik. Cabaran ini harus diterima dengan baik dan satu langkah yang proaktif perlu diambil. Usaha ini memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak terutamanya bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan.

7. Saya juga sedar bahawa banyak halangan dan cabaran yang tuan-tuan dan puan-puan hadapi. Untuk menyiapkan kesemua laman web untuk semua sekolah di Melaka ini, bukanlah satu kerja yang mudah. Untuk mempelajari satu bidang ilmu dan kemahiran baru memerlukan sikap keterbukaan yang berterusan. Pengorbanan bentuk baru perlu dibuat. Sekiranya dahulu kita menyatakan seorang itu seorang patriot kerana sanggup berpisah dengan keluarga dan menyabung nyawa untuk memerdekakan negara, hari ini kita memerlukan lebih ramai patriot yang juga sanggup berpisah dengan keluarga tersayang, berkorban masa dan mungkin harta untuk duduk di hadapan komputer, menghadiri kursus-kursus dan menjalankan tugas-tugas tambahan di samping tugas mengajar dan mendidik yang kadangkala tidak mendapat sebarang imbuhan tambahan.

8. Inilah pengorbanan yang telah anda semua lakukan dan untuk itu saya ucapkan syabas, tahniah dan terima kasih. Saya pasti, apabila usaha dan pengorbanan ini membuahkan hasil maka kita akan merasa puas terutamanya apabila kita melihat anak-anak didik di sekolah kita meningkat dalam pencapaian akademik mereka dan lebih bermaklumat dari kita sendiri.

9. Saya berharap murid-murid dan pelajar-pelajar akan menggunakan peluang keemasan ini untuk mempelajari dan menggunakan Laman Web ini dengan baik dan dengan niat meninggikan ilmu pengetahuan kita untuk persiapan menghadapi cabaran-cabaran alaf baru.

10. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada semua pihak yang telah berkorban dan bekerjasama dari pihak Jabatan Pendidikan Melaka dan MMU untuk menjayakan usaha murni ini, mudah-mudahan ianya diberkati Allah S.W.T.

11. Dengan lafaz, Bismillahir rahmanirrahim saya dengan ini melancarkan Laman Web Sekolah-Sekolah Negeri Melaka dengan rasminya.
